

Sekolah menengah Melayu pertama

Oleh HASFIZA ABDULLAH

EMPAT dekad yang lalu iaitu pada 14 Mei 1958 di Utusan Melayu catatan bersejarah dalam bidang pendidikan negara telah dilaporkan untuk tatapan masyarakat umum. Kini pada tarikh 14 Mei 2007 sekali lagi Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) mencatatkan peristiwa penting apabila menyambut jubli emasnya. Sekolah ini merupakan antara sekolah menengah Melayu yang pertama didirikan di Persekutuan Tanah Melayu sepanjang 50 tahun usianya, telah banyak jasa bakti ditabur dalam melahirkan anak-anak watan yang berpendidikan, justeru itu sambutan jubli emasnya diraikan semalam bersempena dengan penubuhannya pada tahun 1957.

Menyusuri sejarah penubuhannya, sekolah ini pada awalnya dikenali sebagai Malay Secondary School (MSS) yang ditempatkan sementara di bangunan bekas kem Askar Melayu di Baeza Avenue, Ashby Road, Ipoh. Antara objektif penubuhan sekolah berasrama penuh ini ialah untuk memberi peluang pendidikan kepada



KERATAN akhbar Utusan Melayu tahun 1958.

anak-anak Melayu dari kawasan desa melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi serta mendapat pendidikan yang lebih sempurna. Usaha murni ini berkait rapat dengan Laporan Razak serta desakan daripada nasionalis Melayu yang menuntut agar pendidikan di kalangan anak-anak Melayu dipertingkatkan terutama selepas Perang Dunia kedua.

Kemasukan kumpulan pelajar perintis seramai 200 orang ke sekolah ini bermula pada 13

Januari 1957, terdiri daripada pelajar-pelajar berusia 14 dan 15 tahun yang ditempatkan di lima darjah tingkatan satu. Kumpulan pelajar ini merupakan pelajar-pelajar yang telah berjaya menamatkan darjah tingkat khas di enam pusat iaitu Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Kuala Lipis, Kota Bharu dan Johor Bahru. Hamdan Sheikh Tahir merupakan guru besar pertama sekolah ini bermula dari tahun 1957 hingga 1960. Pada peringkat

permulaan, seramai 15 orang guru, enam daripadanya merupakan guru lulusan Kirkby Teacher's Training College, England dan selebihnya memperoleh latihan di Maktab Latihan Guru, Kota Bharu, Kelantan telah ditempatkan di sekolah ini bermula pada 7 Januari 1957.

Pada 2 Januari 1958, merupakan permulaan kegemilangan STAR. Dengan perpindahannya ke bangunan sekolah baru di Tiger Lane (kini dikenali sebagai Jalan Sultan Azlan Shah). Pembinaan dua buah bangunan utama di atas tanah seluas 16.187 hektar yang telah menelan belanja sebanyak RM2.5 juta ini, turut juga dilengkapi dengan prasarana sukan yang moden ketika itu untuk kegunaan para pelajarinya.

Antara keunikan di STAR berbanding dengan sekolah berasrama penuh yang lain ialah lokasi asramanya yang agak berbeza. Pelajar-pelajar ditempatkan di blok-blok asrama yang dibina secara berasingan mengikut rumah pasukan masing-masing keadaan ini terus kekal sehingga ke hari ini.

Tanggal 14 Mei 1958, penamaan semula telah dibuat ke atas sekolah ini dengan mena-

makannya sebagai Sekolah Tuanku Abdul Rahman bersempena dengan nama Yang di-Pertuan Agong yang pertama, iaitu Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Tuanku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 23 September 1958, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenaan mencemar duli dan menyempurnakan istiadat pemsyukuran nama sekolah tersebut bersempena dengan nama baginda.

Kini bersempena dengan ulang tahunnya yang ke-50, STAR mampu berasa bangga di atas pencapaiannya melahirkan lulusan daripada kalangan anak bangsa yang berjaya di persada pimpinan negara, ahli-ahli korporat ternama serta para ilmuwan dan cendekiawan yang mengharumkan nama negara. Seusia umumnya dengan kemerdekaan negara telah menjadikannya terus unggul dan disegani sebagai salah sebuah sekolah berasrama penuh yang terbaik di Malaysia.

— Arkib Negara Malaysia.